

# ISOMIN TABLET

Dexchlorpheniramine maleate (2mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Isomin*
2. Bagaimana *Isomin* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Isomin*
4. Cara menggunakan *Isomin*
5. Semasa menggunakan *Isomin*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Isomin*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Isomin*

Ia digunakan untuk rawatan alahan jangka panjang atau bermusim, inflamasi atau kesesakan hidung, alahan keradangan selaput mata, kegatalan, geligata dan bengkak di bawah kulit.

## Bagaimana *Isomin* berfungsi

*Isomin* melegakan gejala-gejala sesetengah alahan dan ruam yang gatal. Ia juga boleh digunakan untuk melegakan gatal-gatal, kemerahan, sakit, iritasi dan bengkak akibat demam alergi, geligata, ruam panas, tindak balas kepada makanan/ubat, gigitan serangga atau ruam cacar air.

## Sebelum menggunakan *Isomin*

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil *Isomin* jika ada alahan kepada bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam *Isomin*.
- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Mengandung dan menyusukan anak  
Jangan ambil *Isomin* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Jangan ambil *Isomin* jika anda sedang menyusukan anak.  
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum menggunakan *Isomin*

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika ada asma dan gangguan fungsi buah pinggang, tekanan tinggi dalam mata, hipertiroidisme (paras hormon tiroid tinggi dalam darah), penyakit jantung atau saluran darah, penyakit tekanan darah tinggi, ulser usus, halangan pada perut dan usus, pembesaran kelenjar prostat dan halangan pada leher pundi kencing.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk tricyclic antidepressants atau perencat monoamine oxidase (MAO) yang meningkatkan kesan ubat. Juga termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan *Isomin*

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2mg setiap 4 – 6 jam seperti yang diperlukan. Kanak-kanak: 6 – 12 tahun: 1mg setiap 4 – 6 jam seperti yang diperlukan. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.  
Tanda-tanda terlebih dos termasuk cuai atau tidak stabil, mulut, hidung dan tekak kering yang teruk, rasa mengantuk yang teruk, khayalan, sawan, sesak nafas atau kesukaran bernafas.

## Semasa menggunakan *Isomin*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan *Isomin*. Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi *Isomin* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan kerja yang memerlukan kecerdasan mental kerana mungkin akan

menyebabkan anda mengantuk. Elakkan minuman alkohol.

## Kesan-kesan sampingan

*Isomin* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Sila minta nasihat doktor atau ahli farmasi dengan serta-merta jika mengalami kesan sampingan selepas mengambil ubat ini. Mengantuk, kering mulut, hidung dan tekak, gangguan gastrousus, dan ruam kulit mungkin berlaku. Kejutan anafilaktik (reaksi alahan yang mengancam nyawa), sensitiviti kepada cahaya, keletihan, tekanan darah rendah, pening kepala, sukar tidur, kabur penglihatan, susah kencing, denyutan atau debaran jantung cepat, berpeluh dan gelisah. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Isomin*

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet bujur segiempat, dwicembung, berwarna merah dan skor atas.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: dexchlorpheniramine maleate
- Bahan tidak aktif: cornstarch, lactose monohydrate, carmoisine certolake, dried cornstarch dan magnesium stearate.

### - Nombor MAL

MAL19930041AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

22/06/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)220617/00149